

20/12/1997

Parti gabungan perlu baiki mutu khidmat

RANAU, Jumaat - Parti gabungan Barisan Nasional (BN) di negeri ini disaran memperbaiki mutu perkhidmatannya kepada masyarakat untuk menjamin masa depan gemilang kerajaan supaya terus mendapat sokongan rakyat.

Pemangku Pengerusi BN Kinabalu, Tan Sri Kasitah Gaddam, berkata ahli parti juga perlu sedar hanya kerjasama yang padu boleh membawa kecemerlangan untuk membela kepentingan rakyat.

"Ketika ini, kerjasama di kalangan parti komponen BN amat menggalakkan, tetapi wujud banyak ruang yang perlu diperbaiki," katanya Mesyuarat Jawatankuasa BN Kinabalu, di sini, semalam.

Turut hadir pada mesyuarat itu Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Ranau, Siringan Gubat dan Adun Kundasang, Datuk Ewon Ebin.

Mesyuarat itu mencapai ketetapan untuk memberikan sokongan padu terhadap tindakan bagi menangani krisis ekonomi yang melanda negara disebabkan kejatuhan nilai mata wang.

Kasitah yang juga Ketua Umno Kinabalu berkata, ketetapan yang dicapai termasuklah memberikan keyakinan penuh dan sokongan padu terhadap kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut beliau, pemimpin bahagian serta penyokongnya pada peringkat akar umbi hendaklah mengamalkan semangat sehaluan bagi menangani kelemahan terutama dari segi persefahaman.

"Semua tindakan menangani serta memulihkan keadaan ekonomi yang melanda negara disebabkan serangan ekonomi Amerika Syarikat," katanya.

Sehubungan itu, Kasitah berkata, pemimpin BN Kinabalu akan berdiri teguh di belakang kepimpinan negara dalam usaha menegakkan prinsip demokrasi.

(END)